

VARIASI LEKSIKAL BAHASA MELAYU MALAYSIA DAN BAHASA INDONESIA: SUATU ANALISIS DARI PERSPEKTIF KATA

Ibrahim Haji Ahmad

Abstrak

Bahasa Melayu Malaysia (BMM) dan Bahasa Indonesia (BI) merupakan variasi bahasa Melayu. Kedua-duanya berasal daripada bahasa induk yang sama. Namun kedua-duanya mengalami perubahan, terutama selepas masing-masing mencapai kemerdekaan. Tulisan ini cuba merungkai sejauh mana wujudnya kecapahan di sebalik kesetumpuan dalam leksikal BMM dan BI. Data *Kamus Dewan* edisi keempat (2005) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* edisi ketiga (2001) menjadi narasumber kajian ini. Ada tujuh jalur yang ditelusuri dari perspektif kata. Pertama, kata yang sama dan seluruh komponen maknanya berbeza. Kedua, kata yang sama, tetapi bertindihan komponen maknanya yakni ada perbezaan dan persamaan. Ketiga, kata yang sama dan seluruh komponen maknanya sama. Keempat kata yang tidak ada pasangan makna (ada dalam BMM, tidak ada dalam BI. Kelima kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang tidak diketahui variasi lain). Keenam, kata yang berbeza, konsepnya sama (yang diketahui dalam salah satu atau kedua-dua variasi). Ketujuh, kata yang sama, tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal. Kajian ini menampilkan beberapa kecapahan yang menghambat keberkesanan komunikasi antara penutur BMM dan BI.

Abstract

Malay language in Malaysia and Indonesia are of Malay variety. Both of the languages inherit from the same core of language. After achieved independence, the development of the language became more diverged. The purpose of this article is to highlight

the divergence compared to convergence in Malay lexical. Kamus Dewan forth edition (KD) and Kamus Besar Bahasa Indonesia, third edition (KBBI) has been selected as the main source of this study. The researcher has identified seven patterns of lexical treatment at the word level. The first pattern shows that the same word in BMM and BI has different semantic components. The second shows that the same word has both different and similar semantic components. The third shows that the same word has similar semantic components. The fourth shows that a word does not have a semantic pair; i.e. a BMM word found in the KD does not have its pair in the KBBI. The fifth pattern shows that a word has similar concepts but have different components (unknown to other variety). The sixth pattern shows a word has similar concepts but different component (accepted in one or both variety). The final pattern shows same word, but different in style and temporal. This article tries to highlight several lexical divergences that may hinder the effectiveness in communication competence among native speakers in Malaysia and Indonesia.

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu Malaysia (BMM) dan bahasa Indonesia (BI) merupakan variasi bahasa Melayu. BMM ialah variasi nasional bahasa Melayu di Malaysia, manakala BI merupakan variasi nasional bahasa Melayu di Indonesia. Menurut Asmah Haji Omar (1998:1), terdapat dua jenis kepercayaan antara BMM dan BI. Yang pertama mengatakan bahawa kedua-duanya itu ialah dua variasi daripada satu bahasa yang sama. Yang kedua pula mengatakan bahawa BI ialah bahasa yang tersendiri yang asasnya ialah bahasa Melayu. Kecenderungan yang pertama terlihat apabila beberapa agenda kebahasaan telah terjalin seperti dalam menangani isu keselarasan ejaan sehingga terbentuknya *Ejaan yang Disempurnakan* di Indonesia dan *Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia* pada 1972. Dengan penubuhan Majlis Bahasa Indonesia Malaysia (MBIM) pada Disember 1972 dan kemudian Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM) pada November 1985, agenda kebahasaan dipanjangkan pula dalam proses menyelaraskan istilah pelbagai bidang dan subbidang.

Dengan manifestasi dalam rangka kerja MBIM dan MABBIM inilah terbentuknya ratusan daftar istilah seperti *Daftar Istilah MBIM* (1974 – 1985) dan *Daftar Istilah MABBIM* (1985 – 1992). Namun perbezaan dari sudut korpus bahasa masing-masing masih tetap berlaku. Menurut

Badudu (1989:12), “MABBIM yang bekerjasama dalam bidang bahasa, dalam membentuk istilah hanya dapat menyamakan 80 peratus istilah. Yang 20 peratus berbeda karena mereka bertahan pada istilah buatan mereka dan kita juga bertahan pada istilah buatan kita ... sampai sekarang kita masih dapat saling mengerti bila masing-masing menggunakan bahasanya dalam berkomunikasi. Namun entahlah sesudah 30 tahun atau 40 tahun nanti, akan makin berbedakah kedua bahasa atau tetap hampir sama?”

Kenyataan ini memberikan dua implikasi besar. Pertamanya, kecenderungan yang tinggi yang membentuk 80 peratus konsensus dalam penyelarasan istilah memberikan justifikasi positif bahawa BMM dan BI masih merupakan dua variasi yang berasal daripada satu bahasa induk yang sama. Persetumpuan (*convergence*) yang begitu tinggi dalam penyelarasan kosa kata khusus itu hanya boleh berlaku dalam dua bahasa yang berkongsi bahasa induk yang sama. Keduanya, wujudnya kecenderungan untuk berbeza sebanyak 20 peratus dibimbangi memberikan petunjuk bahawa tahap BMM dan BI berada pada landasan untuk berpecah menjadi dua jalur secara perlahan-lahan. Jika pada taraf kosa kata khusus berlakunya perbezaan besar, apakah pula senarionya pada taraf kosa kata umum? Persoalan inilah yang akan dilihat dalam kajian ini secara terperinci, sama ada fenomena pencapahan atau penyimpangan (*divergence*) lebih menonjol berbanding fenomena persetumpuan pada tahap leksikal sehingga memberikan kesan kepada status kedua-dua bahasa yang bervariasi ini.

Berdasarkan pandangan ini, mahu tidak mahu kita terpaksa berhadapan dengan fakta sejarah yang dibongkar semula tentang bagaimana perbezaan leksikal bermula antara BMM dan BI sehingga memberikan kesan kepada tahap kecekapan komunikatif dan kefahaman menyaling pengguna bahasa kedua-dua negara. Walaupun dari segi genealoginya berasal daripada bahasa induk yang sama, sempadan politik yang memisahkannya sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada kegiatan kodifikasi bahasa. Perjanjian Inggeris-Belanda pada 1824 merakam satu peristiwa penting untuk bangsa serumpun ini apabila penjajah Inggeris dan penjajah Belanda membahagikan gugusan kepulauan Melayu kepada dua kawasan pengaruh, iaitu:

- a. Tanah Melayu dan Singapura di bawah pengaruh British.
- b. Kawasan di selatan Singapura, Kepulauan Riau-Lingga dan Hindia Timur di bawah pengaruh Belanda.

Ternyata kesan tinta perjanjian tersebut masih membahagikan dunia Melayu. Dunia Melayu menyaksikan pencapaian demi pencapaian dalam kegiatan standardisasi bahasa antara dua bangsa serumpun ini. Walaupun dari segi jasadnya Malaysia dan Indonesia sudah lama merdeka, kesan perjanjian tersebut masih terasa. Malah, perkembangan yang berlaku dalam lalu lintas ilmu dan kodifikasi bahasa akan menampakkan titik penyimpangan atau pencapaian dalam bahasa yang bervariasi ini. Kesan daripada perjanjian ini telah membawa senario yang berbeza dari sudut pembinaan tamadun berasaskan ilmu pengetahuan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan beberapa penelitian yang dilakukan terhadap kamus eka-bahasa yang sedia ada, ternyata kedua-dua bahasa mempunyai input leksikal yang berbeza dalam banyak hal. Perbezaan ini mempunyai signifikannya:

- a. Perbezaan dan kecapahan ini menimbulkan masalah kepada penutur asli bahasa Melayu, warga asing atau golongan pelajar. Kalangan penutur asli BMM dan BI kurang pasti, sama ada dapat memahami apa yang diujarkan sesama mereka. Warga asing dan golongan pelajar pula mengalami kesukaran untuk membezakan kata-kata tertentu yang menjadi milik salah satu bahasa yang bervariasi tersebut.
- b. Perbezaan ini menyebabkan penutur asli bahasa Melayu terjerat dalam perangkat semantik yang tidak ketara dan canggung (Abdullah Hassan, 1991: xi). Beberapa kosa kata yang taksa bukan sahaja menjejaskan komunikasi, malah boleh mengalami risiko kurang sopan. Perbezaan kosa kata dan perselisihan semantik antara BMM dengan BI bukan sahaja boleh menimbulkan rasa lucu, malah boleh menimbulkan salah pengertian.
- c. Perbezaan dan kecapahan tersebut menghambat usaha menyatukan BMM dan BI, terutamanya dari segi input leksikal yang terakam dalam kamus ekabahasa masing-masing. Dalam proses mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa terpenting dunia, jurang yang berlaku memberikan kesan dalam lalu lintas ilmu dan komunikasi di peringkat supranasional.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini tertumpu pada variasi leksikal BMM dan BI, dengan rujukan khusus kepada *Kamus Dewan (KD)* edisi keempat (2005) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)* edisi ketiga (2001). Kedua-dua kamus dipilih kerana peranannya sebagai rujukan utama kosa kata dan kebahasaan. Skop kajian akan tertumpu pada abjad K dan abjad S. Abjad K merupakan abjad yang terpanjang dalam *KD*, manakala abjad S merupakan abjad terpanjang dalam *KBBI*.

KERANGKA TEORI

Sehingga kini, banyak kajian dilakukan tentang perbezaan leksikal antara bahasa yang bervariasi. Bagaimanapun, yang paling menarik ialah perspektif kata. Apa yang disentuh oleh Algeo (1986), Benson (1986), Trudgill dan Hannah (1994) mencerminkan hakikat bahawa unsur kata memainkan peranan penting sewaktu membuat perbandingan dalam bahasa yang bervariasi.

Sarjana Barat seperti Algeo (1986: 272–283) melihat dari sudut konsep atau istilah secara terperinci yang membezakan leksikal dua bahasa yang bervariasi berdasarkan istilah padanan, istilah bertindih, istilah bercantum, benda yang sama, istilah unik, istilah yang lebih inklusif, istilah yang lebih kerap, dan variasi dalam rujukan. Trudgill dan Hannah (1994:89–93) pula melihat konsep yang sama, berbeza kata berdasarkan dua fenomena, iaitu pertama, yang tidak diketahui secara meluas dalam variasi lain, dan yang kedua, diketahui oleh kedua-dua variasi.

Morton Benson, Evelyn Benson dan Robert Ilson (1986:14–42) telah melakar 10 pola perbezaan leksikal dari perspektif kata. Pertama, kata yang menggambarkan perbezaan budaya, tanpa mempunyai padanan dalam kedua-dua variasi (*Ivy League* (AmE), *Honours Degree* (BrE)). Kedua, kata yang khusus yang menggambarkan variasi (*variety-specific*), tetapi mempunyai padanan dalam satu variasi (*potato chip* (AmE), *crisp* (BrE)). Ketiga, kata yang sekurang-kurangnya mempunyai satu makna yang digunakan dalam *World English* dengan makna tambahan atau pelbagai makna dengan satu atau kedua-dua variasi. Keempat, kata yang mempunyai makna tunggal dalam *World English* dan mempunyai padanan dalam BrE dan AmE. Kelima, kata yang tidak mempunyai makna dalam *World English*, tetapi mempunyai makna khusus yang berbeza dalam kedua-dua variasi. Keenam, kata yang bermonosemi

yang bersifat khusus yang menggambarkan variasi. Ketujuh, kata yang berpolisemi yang semua maknanya bersifat khusus yang menggambarkan variasi. Kelapan, item yang sekurang-kurangnya mempunyai satu makna yang berpaksikan *World English*, tetapi kerap digunakan dalam AmE berbanding BrE atau sebaliknya. Kesembilan, terdiri daripada item polisemi dalam *World English* yang sekurang-kurangnya mempunyai satu makna dengan sinonim yang bersifat khusus yang menggambarkan variasi dalam BrE atau AmE. Dan kesepuluh, terdiri daripada item yang bersifat khusus yang menggambarkan variasi dalam *World English* yang sekurang-kurangnya mempunyai satu makna dengan sinonim dalam perkara kelapan.

Apa yang menarik dalam kajiannya adalah tentang konsep jurang rujukan (*referential gap*) dan jurang leksikal (*lexical gap*) untuk kata, konsep atau benda yang wujud dalam bahasa yang bervariasi. Bagi Benson *et al.* (ibid: 28) jurang rujukan ialah ketiadaan kata yang sepadan dalam variasi budaya lain, manakala jurang leksikal ialah ketiadaan konsep atau frasa dalam satu variasi walaupun wujud konsep atau rujukan yang sama dalam kedua-dua variasi. Trudgill dan Hannah (1994:89–93) pula melihat perbezaan leksikal dari sudut kata yang sama, tetapi makna berbeza; kata yang sama, tetapi mengalami makna tambahan dalam satu variasi; kata yang sama, tetapi berbeza dari segi stail, konotasi dan kekerapan penggunaan, dan konsep atau istilah yang sama, tetapi kata berbeza.

Klasifikasi Algeo serta Trudgill dan Hannah bertolak daripada dua prinsip, iaitu berasaskan bentuk dan berasaskan makna. Ini menyebabkan berlakunya pertindanan antara beberapa kategori perbezaan leksikal tersebut. Dalam klasifikasi Algeo, lima perbezaan yang pertama lebih bersifat makna, manakala tiga perbezaan yang kedua lebih bersifat bentuk. Dalam klasifikasi Trudgill dan Hannah, tiga kategori yang pertama lebih bersifat bentuk, manakala kategori keempat lebih bersifat makna. Misalnya kategori pertama (kata yang sama, tetapi makna berbeza) dan kategori keempat (konsep yang sama, tetapi kata berbeza). Apa yang jelas, ‘*subway*’ yang bermaksud ‘*underground railway*’ dalam AmE dan ‘*pedestrian underpass*’ dalam BrE tergolong dalam kategori pertama. Bagaimanapun fenomena ini muncul dalam kategori keempat jika kita bermula dari aspek semantik berasaskan makna ‘*underground railway*’ yang dikenal pasti sebagai ‘*underground*’ atau ‘*tube*’ dalam BrE dan ‘*subway*’ dalam AmE. Ini bermakna kejituan klasifikasi seharusnya diperjelaskan, sama ada berasaskan bentuk atau makna dan bukannya kedua-duanya sekali dihindungkan dalam satu paradigma.

Kata sebagai unit terkecil dalam sintaksis dan satuan terbesar dalam morfologi, ditandai oleh morfem sebagai unit-unit naungan yang menjadi unsur sesuatu kata. Kata yang menjadi entri dalam kamus mempunyai ciri bebas, mempunyai kelas, makna leksikal, bentuk yang utuh dan berkemungkinan boleh diperluas status katanya (Harimurti Kridalaksana, 1989:10). Berdasarkan pendapat Nik Safiah Karim (1996:61), bentuk-bentuk yang terhasil daripada proses pembentukan kata terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda.

Kata tunggal ialah kata yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak berkait dengan sebarang morfem lain. Kata tunggal terbentuk daripada beberapa proses seperti proses derivasi sifar (Harimurti, 1989:12) atau melalui proses pengakroniman, penyingkatan, dan penyisipan serta beberapa gejala lain seperti aferesis, apokop, sinkop, protetis, metatesis, dan epentesis (Amdun Husain, 1994, Darwis Harahap, 1995).

Kata terbitan pula merupakan bentuk perkataan yang terhasil melalui pengimbuhan. Proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar meliputi awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Di sini timbullah konsep turunan kata atau derivasi dalam kamus.

Kata majmuk dihasilkan melalui proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa maksud tertentu. Harimurti (1989:104–105) berpendapat bahawa paduan kata majmuk dibezakan daripada frasa atas ciri ketaktersisipan (*buta warna*), ketakterluasan, dan ketakterbalikan (*kemas kini*). Dalam kamus ada kata majmuk yang diletakkan sebagai kata masukan utama kerana dieja sebagai satu perkataan atau kerana menjana kata terbitan.

Kata ganda merupakan proses menggandakan kata dasar atau terbentuk kerana morfem dasarnya diulang sehingga berlaku perubahan makna kepada morfem dasar tersebut. Terdapat lima jenis kata ganda, iaitu kata ganda penuh, kata ganda semu, kata ganda separa, kata ganda berentak dan kata ganda berimbuhan. Kata ganda penuh merupakan pengulangan kata. Kata ganda semu terbentuk daripada proses menggandakan seluruh kata dasar kerana kata dasarnya tidak bermakna jika tidak digandakan. Kata ganda separa dihasilkan dengan cara menggandakan sebahagian daripada kata dasar. Kata ganda berentak dihasilkan dengan cara menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar. Kata ganda berimbuhan merupakan kata ganda yang menerima imbuhan sama ada awalan (berangan-angan), akhiran (bau-bauan), apitan (sehari-harian) dan sisipan (awan-gemawan)

ANALISIS KAJIAN

Terdapat beberapa perbezaan dan persamaan leksikal berdasarkan abjad K dan abjad S di dalam *KD* serta *KBBI*. Ada tujuh perspektif yang mencorakkan beberapa perbezaan atau persamaan leksikal tersebut. Pertama, kata yang sama yang seluruh komponen maknanya berbeza. Kedua, kata yang sama, tetapi bertindihan komponen makna yakni ada perbezaan dan persamaan sama ada dalam *KD* atau *KBBI*. Ketiga kata yang sama yang seluruh komponen maknanya sama. Keempat, kata yang tidak ada pasangan makna (iaitu ada dalam *KD*, tidak ada dalam *KBBI* dan begitulah sebaliknya). Kelima, kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang tidak diketahui dalam variasi lain). Keenam, kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang diketahui dalam salah satu atau kedua-dua variasi). Ketujuh, kata yang sama, tetapi berbeza dari segi stilistik dan *temporal*.

Kata yang Sama yang Seluruh Komponen Maknanya Berbeza¹

Dalam kajian ini, terdapat entri abjad S yang mendukung fenomena sedemikian.

Sukan

Entri	Data KD	Data KBBI
Sukan	segala kegiatan yg memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga (spt berenang, permainan bola sepak, tenis, lumba lari, dll).	tumbuhan herba

Makna *sukan* dalam *KD* dan *KBBI*.

BMM

[+kegiatan jasmani]
 [+anggota fizikal]
 [+stamina]
 [+pertandingan]
 [+acara padang dan balapan]
 [+renang, tinju, menembak]
 [-tumbuhan]

BI

[-kegiatan jasmani]
 [-anggota fizikal]
 [-stamina]
 [-pertandingan]
 [-acara padang dan balapan]
 [-renang, tinju, menembak]
 [+tumbuhan]

Hampir keseluruhan makna *sukan* dalam *KD* dan *KBBI* berbeza komponen maknanya. Terdapat tujuh komponen yang berbeza dalam *KD*

¹ Hanya 1 entri yang mendukung pola sedemikian. Tidak ada entri dalam abjad K.

dan *KBBI*. Dalam *KD*, **sukan** ialah kegiatan jasmani yang melibatkan pergerakan anggota fizikal yang memerlukan stamina dan ketangkasan serta dipertandingkan meliputi acara padang, acara balapan, acara renang, tinju, menembak dan sebagainya.

Dalam *KBBI*, entri **sukan** digambarkan sebagai sejenis tumbuhan dan tidak ada pengertian yang dikaitkan dengan konsep *sukan* dalam *BMM*. Dalam korpus *BMM*, *sukan* mendukung konsep superordinat di dalam hierarki makna dan menjadi hipernim kepada *olahraga*. Mengikut daftar istilah sukan (1992), terdapat 20 jenis sukan. *Olahraga* termasuk dalam satu jujuk dalam domain *sukan* yang menjadi subordinat kepada *sukan*.

Dalam BI *olahraga* mempunyai julat semantik yang luas sehingga merangkumi beberapa unsur dalam julat semantik *sukan* *BMM*. Konsep *olahraga* dalam BI tergolong sebagai superordinat, manakala konsep *olahraga* dalam *BMM* tergolong sebagai subordinat di bawah domain *sukan*.

Kata yang Sama, tetapi Bertindihan Komponen Makna, yakni Ada Perbezaan dan Persamaan

Terdapat 67 entri dalam abjad K dan 120 entri dalam abjad S untuk kategori kata demikian. Untuk kajian ini, sebanyak dua entri abjad K dan dua entri abjad S dalam *KD* dan *KBBI* akan dianalisis.

Abjad K

a. Kabin

Entri	Data KD	Data KBBI
Kabin	1.bilik dlm kapal, bot, dsb yg digunakan sbg pejabat atau tempat tidur; 2. bahagian dlm kapal terbang tempat membawa penumpang; 3. binaan sementara yg dijadikan sbg pejabat, tempat tinggal dsb di tapak bina bangunan	1. kamar di dlm kapal; 2. ruang di dlm pesawat terbang tempat para penumpang; 3. ruang penumpang dl mobil

Makna kabin dalam KD dan KBBI.

BMM

[+ruang bilik]
 [+ruang pejabat]
 [+tempat tinggal]
 [+tempat para penumpang]
 [-ruang dalam kereta]

BI

[+ruang bilik]
 [-ruang pejabat]
 [+tempat tinggal]
 [+tempat para penumpang]
 [+ruang dalam kereta]

Ternyata terdapat perbezaan dan persamaan makna untuk entri *kabin* dalam *KD* dan *KBBI*. Entri *kabin* memaparkan bahawa makna yang dapat dikongsi bersama dalam kedua-dua variasi hanya berlaku dalam makna pertama dan makna kedua, tetapi bukan makna ketiga. Makna ketiga dianggap peluasan yang wujud dalam korpus BMM dan BI. Dalam *KD* merujuk kepada binaan sementara yang menjadi ruang pejabat di tapak bina bangunan, manakala dalam *KBBI* merujuk kepada secara khusus kepada ruang penumpang dalam kereta (mobil). Ini bererti wujud pencapahan makna antara BMM dan BI kerana peluasan makna tersebut.

b. Kabinet

Entri	Data KD	Data KBBI
Kabinet II	1. almari kecil yg bertingkat atau berlaci tempat menyimpan dokumen, surat, dan barang berharga; 2. sj perabot (spt almari) tempat menyimpan pinggan mangkuk.	1. lemari kecil tempat menyimpan surat-surat (dokumen dsb); 2. peti kecil mesin ketik (mesin jahit dsb).

(Makna *kabinet* dalam *KD* dan *KBBI*.)

BMM

[+peralatan/perkakas]
 [+dapur]
 [+almari kecil]
 [-peti mesin jahit]
 [+berkotak]
 [+simpanan pinggan mangkuk]

BI

[+peralatan/perkakas]
 [-dapur]
 [+almari kecil]
 [+peti mesin jahit]
 [+berkotak]
 [-simpanan pinggan mangkuk]

Entri *kabinet* dalam *KD* dan *KBBI* memaparkan beberapa persamaan dan perbezaan. Pengertian *kabinet* dalam kedua-dua kamus merujuk kepada per-

kakas almari kecil untuk menyimpan surat, dokumen dan sebagainya. Ini merupakan makna teras kepada entri *kabinet*. Bagaimanapun entri *kabinet* menyaksikan pertambahan makna yang berpencar menjadi dua makna yang tidak berkaitan antara satu sama lain. Dalam *KD* wujud peluasan makna yang merujuk kepada perabot dapur yang merupakan tempat menyimpan pinggan mangkuk, manakala dalam *KBBI* sebagai peti kecil mesin jahit dsb. Ini bermakna berlaku peluasan makna dalam kedua-dua variasi mengikut konteks penggunaan dan bukti korpus masing-masing.

Abjad S

a. Sahabat

Entri	Data KD	Data KBBI
Sahabat	1. kawan, teman, taulan; 2. pengikut, murid	kawan; teman; handai

Makna *sahabat* dalam *KD* dan *KBBI*.

BMM

[+manusia]
 [+jalanan perhubungan]
 [+rapat]
 [+lebih drpd satu orang individu]
 [+pengikut]

BI

[+manusia]
 [+jalanan perhubungan]
 [+rapat]
 [+lebih drpd satu orang individu]
 [-pengikut]

Entri *sahabat* memaparkan makna kawan, teman, atau taulan dalam *KD* dan *KBBI*. Polisemi pertama mencatatkan perkongsian makna. Bagaimanapun di dalam *KD* terdapat peluasan makna yang bermaksud pengikut atau murid. Ini menunjukkan bahawa peluasan makna hanya berlaku dalam variasi BMM, manakala variasi BI masih kekal pada tahap yang sedia ada

b. Sapi

Entri	Data KD	Data KBBI
Sapi	1. sj binatang yg rupanya spt lembu dan berwarna hitam, <i>bos indicus</i> ; 2. Id lembu	binatang pemamah biak, bertanduk, berkuku genap, berkaki empat, bertubuh besar, dipiara utk diambil daging dan susunya; lembu

Makna *sapi* dalam *KD* dan *KBBI*.

BMM

[+haiwan]
 [+mamalia]
 [+dipelihara]
 [+daging]
 [-susu]

BI

[+haiwan]
 [+mamalia]
 [+dipelihara]
 [+daging]
 [+susu]

Haiwan *sapi* memiliki medan makna yang tersendiri mengikut penglihatan dunia penutur BMM dan BI. Dalam *KD*, *sapi* ialah haiwan mamalia yang dipelihara atau hidup liar untuk mendapatkan dagingnya, rupanya seperti lembu, tetapi berwarna kehitaman, mempunyai kepentingan untuk disembelih bagi tujuan mengadakan kenduri atau korban. Dalam *KBBI*, *sapi* bersinonim dengan lembu yang merupakan haiwan mamalia yang dipelihara untuk diambil daging dan susunya dan mempunyai kepentingan disembelih bagi tujuan mengadakan kenduri atau korban. Namun dalam *KD*, *sapi* ialah binatang seperti lembu dan *lembu* tidak bersinonim dengan *sapi* sehingga timbul bidalan *lembu punya susu, sapi dapat nama*. Persepsi lembu dan *sapi* yang sama dalam realiti penggunaan di Indonesia memperlihatkan pencapahan makna yang mendalam antara bangsa serumpun ini.

Kata yang Sama dan Seluruh Komponen Maknanya Sama

Sebahagian besar entri mendukung pola sedemikian. Sebanyak 7438 entri mendukung pola sedemikian. Untuk kajian ini ditampilkan lima contoh entri abjad K dan lima entri abjad S yang mendukung kata yang sama dan seluruh komponen maknanya sama.

Bil	Entri	Data KD	Data KBBI
1.	Kafir	orang yg tidak percaya kpd Allah dan rasul-Nya, orang bukan Islam.	orang yg tidak percaya kpd Allah dan rasul-Nya.
2.	Kaget	terkejut, terperanjat.	terperanjat; terkejut (krn heran).
3.	Kagum	berasa amat sangat tertarik (melihat dsb sesuatu yg luar biasa).	heran (dgn rasa memuji); takjub; tercengang.
4.	Kahak	lendir yg dikeluarkan dr kerongkong; dahak.	dahak.

sambungan **Jadual**

Bil	Entri	Data KD	Data KBBI
5.	Kain	1. barang yg ditenun drpd benang kapas dll; 2 barang tenunan yg digunakan utk pakaian atau utk kegunaan lain	1. barang yg ditenun dr benang kapas; 2. barang tenunan untuk pakaian atau untuk maksud lain

Beberapa contoh kata yang sama dan seluruh komponen maknanya sama dalam abjad K.

Abjad S

Bil	Entri	KD	KBBI
1.	Sabut	kulit (yg berserat kulit nyiur, pinang dll).	kulit yg berserat buah kelapa, pinang, dsb.
2.	Sebai	kain yg dibelitkan di leher utk menutup bahu dgn kedua-dua hujungnya tergantung di dada, selendang yg digantung di bahu.	kain sutra dsb yg dikalungkan di leher untuk menutup bahu dan kedua ujungnya bergantung di dada.
3.	Segan	1. tidak suka berbuat sesuatu, tidak mahu, tidak sudi, enggan, malas; 2 berasa malu (silu, hormat dll).	1 malas (berbuat sesuatu); enggan; tidak peduli; tidak mau; tidak suka; 2 merasa malu (takut, hormat) kpd.
4.	Siak	1. orang yg hidup miskin (biasanya tinggal di masjid dan mendapat rezeki drpd sedekah orang; 2. orang yg kerjanya menjaga masjid, pengawal masjid.	1. orang (santri) penjaga atau perawat masjid; 2. orang yg biasanya tinggal di masjid dan mendapat rezeki dr sedekah orang.

Beberapa contoh kata yang sama dan seluruh komponen maknanya sama dalam abjad S.

Kata yang Tidak Ada Pasangan (iaitu ada dalam *KD*, tidak ada dalam *KBBI* dan sebaliknya)

Sebahagian besar entri dalam abjad K dan abjad S di dalam *KD* dan *KBBI* termasuk dalam kelompok leksikal ini. Terdapat 563 entri dalam abjad K (283 entri dalam *KD* dan 280 dalam *KBBI*) serta 497 entri dalam abjad S (236 entri dalam *KD* dan 261 entri dalam *KBBI*) yang mendukung pola sedemikian. Pola sedemikian mendukung situasi bentuk tunggal dan

fenomena atau konsep tunggal iaitu, hubungan satu dengan satu antara kata dengan konsep. Kata yang mendukung fenomena sedemikian adalah seperti berikut:

- a. Akronim/Kependekan.
- b. Nama –nama khas (gelaran, perayaan, adat, bangsa, suku kaum, dan sebagainya).
- c. Flora/fauna.
- d. Budaya setempat.

Untuk kajian ini, ditampilkan 10 contoh entri abjad K dan 10 contoh entri abjad S.

Abjad K (KD)

Bil	Entri	Data KD
1.	Karyaneka	agensi atau pusat pemasaran barang-barang buatan tangan.
2.	Kasanova	lelaki yang suka memikat dan memperdaya perempuan.
3.	Katak: ~ udang	sj tumbuhan (pokok)
4.	Kavadi	benda berhias yg diusung pd sebelah bahu oleh penganut agama hindu semasa perayaan Thaipusam.
5.	Kebah	basah kerana keluar peluh (hampir pulih dari demam).
6.	Kebarung	baju potongannya gabungan kebaya dan kurung.
7.	Kekili	lingkaran rotan pada hidung kerbau.
8.	Kekisi	Gerugi, terali.
9.	Kekunci	butang yang mewakili abjad atau nombor yang digunakan.
10.	KTM	Kep. Keretapi Tanah Melayu.

Beberapa contoh kata yang tidak ada pasangan dalam BI.

Di dalam *KD* terdapat beberapa contoh kata yang tidak ada pasangan dalam *BI* yang hanya wujud atau digunakan dalam *BMM*. Kata yang bertaraf akronim atau kependekan adalah seperti *KTM*. Kata yang mempunyai ciri-ciri nama khas adalah seperti *karyaneka* dan *kavadi*. Kata yang mempunyai unsur-unsur flora atau fauna adalah seperti *katak udang*. Kata-kata yang mempunyai ciri-ciri budaya setempat adalah seperti *kekisi*. Kesemua kata ini tidak digunakan atau wujud di dalam variasi *BI*.

Abjad K (*KBBI*)

Bil	Entri	Data KBBI
1	Kabupaten	daerah swatantra tingkat II yg dikepalai oleh bupati, setingkat dgn kota madya, merupakan bahagian langsung dr provinsi yg terdiri atas beberapa kecamatan....
2.	Kadasteral	sesuai dengan batas-batas tanah yang ditentukan oleh badan pencatat tanah milik.
3.	Kadipaten	daerah yang dikuasai adipati.
4.	Kailalo	klan pihak laki-laki yg berfungsi sbg penerima wanita (di Ambon).
5.	Kalpaturu	pohon lambang kehidupan.
6.	Kamantuhu	tempat utk melakukan upacara korban dlm adat Dayak.
7.	Kapisa	warna seperti bulu serigala.
8.	Kapitaselekta	bunga rampai karya ilmiah yg dianggap penting.
9.	Kaplars	sepatu bot tinggi.
10.	Karangkitri	tanaman buah-buahan di halaman rumah.

Beberapa contoh kata yang tidak ada pasangan dalam *BMM*.

Di dalam *KBBI*, terdapat entri yang mendukung pola sedemikian seperti *kabupaten*, *kapitaselekta*, flora dan fauna seperti *karangkitri*, budaya setempat seperti *kailalo* dan *kamantuhu*. Kesemua entri ini tidak wujud atau digunakan dalam variasi *BMM*.

Abjad S (KD)

Bil	Entri	Data KD
1.	Samfu	pakaian wanita Cina yang terdiri daripada blaus berpinggang dan seluar.
2.	Sangga II; ~ ber-duri	sj tumbuhan (pokok renek), sida rhombifolia.
3.	Sanubar	pokok-pokok yang berbentuk kon.
4.	Sarak II	isi ramuan (dimasukkan ke dlm ketam, ayam, dsb) yg dimasak.
5.	Seharah	peti besar yang bertutup.
6.	Sejangkang	sj tumbuhan (pokok), jangkang betina.
7.	Selayah	sj kain tudung (perempuan).
8.	Selembu II	sj binatang hasil kacukan seladang dgn lembu.
9.	Semanggang	alat daripada bilah untuk memanggang ikan.
10.	SEMARAK	akronim bagi setia bersama rakyat ...

Beberapa contoh kata yang tidak ada pasangan dalam BI.

Di dalam *KD*, terdapat entri yang tidak ada pasangan dalam BI yang hanya wujud atau digunakan dalam BMM. Kata yang mempunyai ciri-ciri akronim atau kependekan adalah seperti *SEMARAK*, ciri-ciri flora atau fauna adalah seperti *sangga berduri*, *sejangkang*, *selembu*, ciri-ciri budaya setempat adalah seperti *sarak*. Kesemua entri ini tidak digunakan atau wujud di dalam variasi BI.

Abjad S (KBBI)

Bil	Entri	Data KBBI
1.	Sablon	pola berdesain yg dapat dilukis.
2.	Safir	batu permata berwarna biru tembus pandang.
3	Safron	rempah yg berasal dr tanaman crocus yg dibudidayakan, mengandung minyak asiri dan zat pewarna, yakni warna orange nyata ...
4.	Samas	perawat atau penolong orang miskin.

sambungan **Jadual**

Bil	Entri	Data KBBI
5	Samijaga	kamar mandi keluarga.
6.	Sambiloto	terna yg daunnya berasa pahit, digunakan sbg obat dan tonikum.
7.	Samsiti	sayur-mayur yg diolah atau dibuat dr sayur-mayur diasinkan yg dimakan sbg lalap.
8.	Sangan	alat yg terbuat dr tanah liat.
9.	Sendratari	Kp seni, drama, dan tari.
10	Sinansari	Nama lain utk dewi sri.

Beberapa contoh kata yang tidak ada pasangan dalam BMM.

Di dalam *KBBI* terdapat entri yang tidak digunakan atau wujud di dalam variasi BMM. Ini termasuklah entri yang mempunyai ciri-ciri akronim atau kependekan seperti *sendratari*, nama khas seperti *sinansari*, flora dan fauna seperti *safron*, *sambiloto* dan *saparantu*, budaya setempat seperti *samijaga*,

Fenomena ini memperlihatkan wujudnya jurang leksikal atau jurang referensial dalam BMM dan BI. Satu variasi mempunyai istilah atau konsep dan sekali gus leksem untuk mengungkapkan sesuatu benda atau cetusan daripada penglihatan dunianya, manakala dalam variasi BMM atau BI kekurangan fenomena ini. Kekurangan konsep atau referen dalam komuniti sesuatu bahasa dan sekali gus leksem untuk mengungkapkannya akan mencetuskan kelegapan dan ketaksaan dalam komunikasi. Ini benar-benar menguji tahap kecekapan komunikatif atau kefahaman menyaling bagi bahasa yang bervariasi seperti BMM dan BI.

Kata Berbeza, Konsepnya Sama (yang tidak diketahui dalam variasi lain)

Pola sedemikian dianggap signifikan yang menyebabkan berlakunya pencapahan antara BMM dan BI. Bagi Algeo (1989:231) pola ini dikaitkan dengan bentuk berbilang untuk satu referen/konsep tunggal. Penerapannya di dalam kamus dilakukan secara sinonim. Sinonim bermaksud persamaan makna. Dua leksem dikatakan sinonim jika kedua-duanya mempunyai maksud yang sama dan boleh ditukar ganti dalam semua konteks. Tidak ada entri *haba*, *tiket*, *karipap*, *lastik*, *katerer*, *klac*, *konvokesyen*, *kraf*

tangan, resit, dan kusyen dalam *KBBI*. Tidak ada entri *kalor, karcis, pastel, katapel, jasa boga, kopling, wisuda, kriya, kuitansi* dan *jok* dalam *KD*. Begitu juga tidak ada entri *sekresi, sekring, selai, sensus, sepeda, prangko, penghuni liar, plafon, steker* dan *sakelar* di dalam *KD*. Tidak ada entri *rembesan, fuis, jem, banci, basikal, setem, setinggaan, siling, plag, suis* di dalam *KBBI*. Kedua-duanya bersinonim mutlak yang hanya wujud dalam satu variasi. Terdapat 120 entri (52 entri dalam abjad K dan 68 entri dalam abjad S) yang mendukung pola sedemikian.

Abjad K

Entri	KD	KBBI	Huraian
Kalor/haba	haba	kalor	bentuk tenaga yg dipindahkan melalui pengaliran, perolakan, atau bahangan.
karcis/tiket	tiket	karcis	kertas atau kad kecil yg dibeli kerana hendak menaiki bas, menonton wayang, dsb.
karipap/pastel	karipap	pastel	kuih yg intinya pedas (dibuat drpd kentang, keledak, sardin, dsb yg bercampur rempah) dan kulitnya drpd tepung gandum.
katapel/lastik	lastik	katapel	alat drpd kayu berbentuk “y” yg diberi bertali drpd getah dan digunakan utk melantingkan batu dsb.
katerer/jasa boga	katerer	jasa boga	pihak yang menyediakan dan menyajikan makanan dan minuman dlm sesuatu majlis.
klac/kopling	klac	kopling	alat yg membolehkan kuasa dr enjin diberhentikan dr roda apabila menukar gear.
konvokesyen/wisuda	konvokesyen	wisuda	majlis sempena upacara penyampaian ijazah di universiti dsb.
kraftangan/kriya	kraftangan	kriya	perusahaan (seni, kerja dsb) yg memerlukan kemahiran menggunakan tangan.

sambungan **Jadual**

Entri	KD	KBBI	Huraian
kuitansi/resit	resit	kuitansi	kertas bertulis yg mengesahkan atau mengakui penerimaan sst bayaran atau barangan.
kusyen/jok	kusyen	jok	bantal atau tilam kecil yang digunakan sebagai alas kerusi dsb.

Beberapa contoh konsep sama, kata berbeza dalam KD dan KBBI.

Abjad S

Entri	KD	KBBI	Huraian
sekresi/rem-besan	rembesan	sekresi	sebarang bahan spt peluh, enzim dan air liur yg dihasilkan oleh sel atau kelenjar tubuh utk melakukan fungsi tertentu.
sekring/fius	fius	sekring	alat penyelamat yg terdiri drpd wayar dsb yg rendah suhunya (digunakan dlm litar elektrik).
selai/jem	jem	selai	sj makanan yg dibuat drpd buah-buahan yg dimasak dgn gula hingga likat (biasanya disapu pd roti, biskut, dsb).
sensus/banci	banci	sensus	hitungan yg dibuat utk mengetahui banyaknya penduduk dll.
sepeda/basikal	basikal	sepeda	kenderaan beroda dua serta berpedal dan dapat ditunggang.
setem/prangko	setem	prangko	kepingan kertas bercap (yg ditampalkan pd sampul surat, surat perjanjian dll) sbg tanda bayaran pos atau cukai.
setinggalan/penghuni liar	setinggalan	penghuni liar	orang yg tinggal di tanah kerajaan secara haram.
siling/plafon	siling	plafon	langit-langit rumah yg dibuat drpd asbestos, papan, dsb.

sambungan Jadual

Entri	KD	KBBI	Huraian
steker/plag	plag	steker	alat utk menyambungkan perka- kas elektrik kpd bekalan kuasa elektrik (dgn memasukkannya ke dlm soket).
suis/sakelar	suis	sakelar	alat yg menghubungkan atau yg memutuskan sesuatu litaran elek- trik.

Beberapa contoh konsep sama, kata berbeza dalam KD dan KBBI.

Kata Berbeza, Konsepnya Sama (yang diketahui dalam salah satu atau kedua-dua variasi)

Terdapat juga kosa kata dalam BMM dan BI yang diketahui oleh salah satu atau kedua-dua variasi. Entri *getah* diketahui oleh BMM dan BI, tetapi entri *karet* tidak diketahui oleh BMM. BI menggunakan perkataan *getah* dan *karet*, manakala BMM hanya menggunakan perkataan *getah* sahaja. Begitu juga untuk entri *sarwajagat* dan *universal* yang digunakan dalam BMM, tetapi dalam BI hanya menerima kata *universal* sahaja. Terdapat 234 entri (119 entri dalam abjad K dan 115 entri dalam abjad S) yang mendukung pola sedemikian.

Abjad K

Entri	KD	KBBI	Huraian
kakitangan/ staf	kakitangan/ staf	staf	pekerja (pejabat, syarikat dsb), pembantu (yg turut melak- sanakan atau mengurus kerja).
karet/getah	getah	karet/ getah	cairan pekat yg keluar dr ber- macam-macam pokok.
kasur/tilam	tilam	kasur/ tilam	lapik tempat tidur yg dibuat drpd kain yg diisi kekabu dsb.
kedok/to- peng	topeng	kedok/ topeng	penutup muka yg dibuat drpd kertas, plastik, dsb yg biasanya berupa muka orang, binatang dll.

sambungan Jadual

Entri	KD	KBBI	Huraian
kelemumur/ ketombe	kelemumur	ketombe/ kelemumur	penyakit pd kulit kepala yg menyebabkan berasa gatal dan ber-sisik-sisik putih.
kereta/mobil	kereta	mobil/ kereta	kenaikan beroda yg digerakkan oleh enjin, ditarik oleh binatang dsb.
kerjaya/ karier	kerjaya/ karier	karier	perkembangan pekerjaan atau profesion yg menjadi kegiatan berpanjangan sso dlm hidupnya.
koki/tukang masak	tukang masak	koki/ tukang ma- sak	orang gajian yg kerjanya mema- sak.
koran/surat khabar	surat khabar	koran/ surat kha- bar	kertas bercetak yg menyiarkan berita, iklan, dsb yg biasanya di- terbitkan setiap hari.
kubis/kol	kubis	kol/ kubis	nama sj sayur yg mempunyai daun yg berlapis-lapis dan ber- gumpal menjadi bulat.

Beberapa contoh konsep sama, kata berbeza dalam KD dan KBBI.

Abjad S

Entri	KD	KBBI	Huraian
salmon/sa- lem	salmon	salem/ salmon	nama sj ikan laut yg dapat hidup di air tawar, khususnya ketika bertelur dan banyak terdapat di lautan Atlantik utara.
sarwajagat/ universal	sarwajagat/ universal	universal	bersifat sejagat; meliputi seluruh dunia.
semprit/ wisel	wisel/ semprit	semprit	alat yg berbunyi apabila ditiup.

sambungan Jadual

Entri	KD	KBBI	Huraian
seprai/cadar	cadar	seprai/ cadar	kain penutup tilam.
siap siaga/ samapta	siap siaga	samapta/ siap siaga	sudah bersedia utk melakukan sesuatu.
simposium/ sarasehan	simposium	sarasehan/ simposium	pertemuan antara para cendeki- awan, pakar, dsb utk membina- cangkan sst perkara.
soang/angsa	angsa	soang/ angsa	binatang ternakan yg seakan- akan itik tetapi lebih besar dan berleher panjang.
steril/suci hama	steril	suci hama/ steril	bebas (terpelihara, bersih) drpd kuman, hama, atau bakteria.
supa/ cendawan	cendawan	supa/ cendawan	jenis tumbuhan tidak berdaun dan tidak berakar serta cepat membiak (ada jenis yang boleh dimakan).
swatantra/ autonomi	autonomi	swatantra /autonomi	hak memerintah sendiri.

Beberapa Contoh Konsep Sama, kata Berbeza dalam KD dan KBBI.

Kata Sama, tetapi Berbeza dari Segi Stilistik dan Temporal

Variasi sosial merupakan satu bentuk ragam bahasa yang digunakan oleh sesuatu komuniti bahasa. Bagi Halliday (1968:141), perbezaan dari segi pengguna mewujudkan dialek, manakala perbezaan dari segi penggunaan akan mewujudkan dialek sosial atau sosiolek. Pengertian variasi sosial seakan-akan bersinonim dengan dialek sosial kerana domain yang tercakup di dalamnya meliputi bahasa percakapan, slanga, bahasa formal, bahasa kasar, tabu, arkaik, klasik, bahasa diraja, bahasa halus, ofensif, menghina dan sebagainya.

Dalam kajian ini terdapat dua komponen penting yang memaparkan kata yang sama, tetapi berbeza dari segi peringkat variasi sosialnya.

a. Aspek Stilistik

Aspek stilistik merujuk kepada salah satu ragam variasi sosial yang mencakup unsur-unsur formal, standard, tak formal, tak standard, bahasa *colloquial* atau bahasa percakapan. Landau (2001:217–18) menghubungkannya dengan aspek laras dan aspek status. Dari sudut pencerakinan di dalam kamus disebut sebagai maklumat diafasik (Hartmann, 1998:151). Yang signifikannya, terdapat beberapa entri dalam kategori ini berbeza pencerakinannya. Ada tujuh entri (tiga entri dalam abjad K dan empat entri dalam abjad S) yang dilabel *bp/cak* (bahasa percakapan), manakala dalam variasi lain dianggap sebagai kosa kata standard atau baku. Ini seperti entri *kemat*, *kerul*, *ketai*, *senin*, *servis*, *setan*, dan *sugul*.

Entri	Data KD	Data KBBI
Kemat	bp hikmat.	kemampuan adikodrati.
Kerul	ikal, mengombak-ombak (rambut).	bp ikal (tt rambut dsb).
2ketai	bp kalah paling teruk (dlm permainan pakau).	paling kalah ((tt bermain kartu).
Senin	bp → isnin.	hari ke-2 dl jangka waktu satu minggu.
Servis	2. bp khidmat; perkhidmatan.	pelayanan; layanan.
Setan	bp makhluk halus yg jahat (menggalakkan membuat kejahatan), syaitan.	roh jahat (yg selalu menggoda manusia supaya berlaku jahat).
Sugul	masyghul, (berasa) dukacita, susah hati.	bp masygul.

Beberapa Contoh Kata Sama, Tetapi Berbeza Dari Segi Stilistik dalam KD dan KBBI.

b. Aspek Temporal

Aspek *temporal* merujuk kepada salah satu ragam variasi sosial yang bersifat usang, kuno, klasik, sastera lama atau konteks penggunaan

baharu. Di dalam kamus aspek *temporal* dikaitkan dengan maklumat diakronik (Hartmann, 1998:151). Terdapat beberapa entri yang dianggap arkaik di dalam salah satu variasi (mis *kanigara*, *kanjal*, *karibu*, *mengedut*, *kelat*, *komodor*), tetapi masih digunakan secara aktif dalam variasi lain. Begitu juga entri yang dianggap klasik atau sastera lama di dalam salah satu variasi (mis *keluli*, *kelulu*, *kelulus*, *sendu*, *suaka*, *syarikat*), tetapi masih digunakan secara aktif di dalam variasi lain. Terdapat 122 entri yang berunsur temporal iaitu, tiga entri berlabel *sl* (sastera lama), empat entri berlabel *kl* (klasik), 24 entri berlabel + (kuno, usang), dan 22 entri berlabel *ark* (arkaik) dalam abjad K. Terdapat 15 entri berlabel *sl*, 13 entri berlabel *kl*, 20 entri berlabel + dan 21 entri berlabel *ark* dalam abjad S. Entri *kanigara* dianggap kuno dalam *KD*, tetapi masih aktif penggunaan di dalam *KBBI*. Entri *satwa* dianggap bukti korpus yang hanya ditemui dalam teks lama, tetapi dalam *KBBI* masih ditemui dalam teks semasa. Begitu juga entri *sempalai* dianggap arkaik dalam *KBBI*, tetapi masih aktif penggunaannya dalam *KD*.

Abjad K

Entri	Data KD	Data KBBI
kanigara	+ sj tumbuhan (herba dan bunganya), bunga matahari.	tumbuhan yg bunganya besar dan bundar ...
kanjal	terbantut (kerana tersekat dll).	ark terhenti krn terhalang dsb.
karibu	sj rusa besar yg terdapat di kawasan Artik Amerika utara.	ark rusa yg bergelambir, terdapat di Amerika utara ...
Kedut II; mengedut	+ merentap, meragut, merampas, merebut.	mengambil dgn paksa; merenggut.
kelat IV	lekat, susah dibuka (mata krn terlalu mengantuk).	ark lekat.
Keluli	besi baja (waja).	kl baja.
Kelulu	wajar atau selayaknya, patut.	kl patut.

sambungan Jadual

Entri	Data KD	Data KBBI
Kelulus	sl sj perahu.	perahu.
komodor	pegawai tinggi dlm angkatan udara.	ark pangkat perwira tinggi pertama di angkatan udara atau angkatan laut ...
kuting; berkuting-kuting	+selalu menurut (tidak membantah).	selalu mengikuti (mengekor) dgn tidak membantah.

Beberapa contoh kata sama, tetapi berbeza dari segi temporal dalam KD dan KBBI

Abjad S

Entri	Data KD	Data KBBI
sabi	sl sj baju kemeja.	kemeja.
1 sami	pendeta (agama buddha).	<i>kl pendeta buddha.</i>
selempang II; terselempang	+ jatuh terkangkang.	(jatuh) terkangkang; terjelepok.
selut	lumpur	ark lumpur.
sendu	sl 1. sedih dan pilu; 2 sedu.	berasa sedih dan pilu; duka cita; sedu.
seranta menyerantakan	memberitahukan kpd khalayak ramai, memaklumkan.	kl memaklumkan kpd orang banyak; mengumumkan.
serengit	+ seringai.	seringai.
setai; berse-tai-setai	koyak rabak (pakaian), compang-camping, bersepai.	ark 1. berkeping-keping; terpisah-pisah (tt barang yg hancur dsb); 2. compang-camping.
suaka	sl tempat berlindung atau menumpang (hidup).	tempat mengungsi (berlindung), menumpang (pd), menumpang hidup (pd).

sambungan Jadual

Entri	Data KD	Data KBBI
syarikat	1. persekutuan, perkumpulan, gabungan; 2. badan atau institusi perusahaan atau perniagaan ... 3. persekutuan negara-negara yg menjadi sahabat.	kl sekutu; perhimpunan; perkumpulan.

Beberapa contoh kata sama, tetapi berbeza dari segi temporal dalam KD dan KBBI.

RUMUSAN

Jelas bahawa analisis yang dilakukan dapat menyingkap secara komprehensif beberapa perbezaan dan persamaan leksikal yang wujud di dalam *KD* dan *KBBI*. Maklumat ini cukup penting dalam usaha membantu pengguna bahasa untuk mengurangkan kelegapan dalam dua bahasa yang bervariasi.

Ternyata terdapat perbezaan dan persamaan makna leksikal yang berlaku dalam *KD* dan *KBBI*. Hal ini berlaku kerana BMM dan BI berkembang serta tumbuh dalam lingkungan yang berbeza. Secara perlahan-lahan bahasa Melayu berpecah menjadi beberapa jalur yang menandai variasi BMM dan BI.

Dalam konteks ini, adanya perbezaan dan persamaan leksikal memberi kesan pada tahap kefahaman menyaling bagi penutur BMM dan BI. Kefahaman menyaling merupakan suatu konsep tentang keupayaan pengguna kamus memahami teks bahasa lain dan difahami oleh pengguna bahasa lain. Dalam hal ini kefahaman menyaling boleh diukur berdasarkan perbezaan dan persamaan leksikal mengikut beberapa pola yang ditetapkan. Dengan mengambil acuan Asmah Haji Omar (1998:1-15), sewaktu membuat analisis tentang taraf kefahaman menyaling teks BI oleh pengguna BMM, ditampilkan tiga unsur penting yang menjadi kayu ukur konsep kefahaman menyaling.

Tiga unsur tersebut ialah ketelusan, kelegapan dan kekaburan. Taraf ketelusan, kelegapan, dan kekaburan akan diukur secara kuantitatif dengan peratusan tertentu mengikut beberapa pola perbezaan dan persamaan leksikal.

a. Ketelusan

Ini diukur berdasarkan keterbacaan teks yang tidak mengganggu kefahaman pengguna kamus kedua-dua negara. Ini untuk kata yang sama dan seluruh komponennya sama.

b. Kelegapan

Ketidakupayaan pengguna kamus memahami apa yang dimaksudkan di dalam entri kamus. Pertama, untuk kata yang sama yang seluruh komponen maknanya berbeza. Kedua, kata yang tidak ada pasangan makna (iaitu ada dalam *KD*, tidak ada dalam *KBBI* dan begitulah sebaliknya). Ketiga, kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang tidak diketahui dalam variasi lain).

c. Kekaburan

Entri yang mendukung kata atau konsep tertentu yang boleh dikenali oleh pengguna kamus, tetapi mempunyai darjah pemahaman yang berbeza. Pertama, untuk pola kata yang sama, tetapi bertindihan komponen makna, yakni ada perbezaan dan persamaan. Kedua, kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang diketahui dalam salah satu atau kedua-dua variasi. Ketiga, kata yang sama , tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal. Lakaran beberapa pola perbezaan dan persamaan leksikal dan kesannya pada tahap kefahaman menyalng dapat dilihat seperti yang berikut:

Perbezaan/ Persamaan Leksikal	Ketelusan	Kelegapan	Kekaburan	Peratus	Jumlah Entri
Kata yang sama yang seluruh komponen maknanya ber- beza		+		0.01%	1
Kata yang sama, tetapi bertindi- han komponen maknanya, yak- ni ada perbezaan dan persamaan			+	2.12%	187

sambungan Jadual

Perbezaan/ Persamaan Leksikal	Ketelusan	Kelegapan	Kekabururan	Peratus	Jumlah Entri
Kata yang sama dan seluruh komponen maknanya sama	+			80.24%	7075
Kata yang tidak ada pasangan makna (iaitu ada dalam <i>KD</i> , tidak ada dalam <i>KBBI</i> dan begitulah sebaliknya)		+		12.03%	1060
Kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang tidak diketahui dalam variasi lain)		+		1.36%	120
Kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang diketahui dalam salah satu atau kedua-dua variasi)			+	2.65%	234
Kata yang sama, tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal			+	0.13%	7 (stilistik) 122 (temporal)
Jumlah				100%	8806

Beberapa pola perbezaan dan persamaan leksikal dan kesannya kepada tahap kefahaman menyalang.

Jika dilihat daripada keseluruhan abjad K dan abjad S dalam entri *KD* dan *KBBI* yang berjumlah 8806 entri utama (4400 entri utama di

dalam abjad K dan 4406 entri utama di dalam abjad S), nisbah kecapahan berbanding kesetumpuan dianggap masih rendah. Kecapahan dapat dilihat dari dua aspek. Pertama, aspek kelegapan leksikal yang membentuk 13.40 peratus, yakni 0.01 peratus (satu entri) untuk kata yang sama yang seluruh komponen maknanya berbeza, 12.03 peratus (1060 entri) untuk kata yang tidak ada pasangan (ada dalam *KD*, tidak ada dalam *KBBI* dan begitulah sebaliknya) dan 1.36 peratus (120 entri) kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang tidak diketahui dalam variasi lain). Kedua, aspek kekaburan leksikal yang membentuk 4.9 peratus, yakni 2.12 peratus (187 entri) untuk kata yang sama, tetapi bertindihan komponen maknanya yakni ada perbezaan dan persamaan, 2.65 peratus (234 entri) untuk kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama (yang diketahui dalam salah satu atau kedua-dua variasi) dan 0.13 peratus (130 entri) untuk kata yang sama, tetapi berbeza dari segi stilistik dan temporal.

Ini menunjukkan wujud 18.30 peratus kecapahan leksikal serta selebihnya masih mengekalkan kesetumpuannya. Hakikat ini mengukuhkan pandangan sebelum ini bahawa BMM dan BI secara perlahan-lahan berpecah menjadi dua jalur yang berbeza yang berpaksikan bahasa Melayu. Jika dalam kajian Badudu (1989) sebelum ini kita melihat pencapahan dalam kosa kata khusus yang bertaraf istilah sebanyak 20 peratus antara BMM dan BI, analogi yang sama juga berlaku dalam kosa kata umum BMM dan BI.

Kecapahan leksikal sebanyak 18.30 peratus dalam BMM dan BI memberi implikasi besar kepada tahap kecekapan komunikatif dan tahap kefahaman menyaling. Hal ini berlaku dalam abjad K serta abjad S dan belum lagi dalam keseluruhan abjad *KD* serta *KBBI*. Dalam proses untuk mencapai tahap kecekapan komunikatif dan tahap kefahaman menyaling yang efektif yang memberi keselesaan kepada penutur berbahasa Melayu di dalam lingkungan geolinguistik Melayu atau seantero dunia, kecapahan yang berlaku dalam aspek leksikal boleh menghambat keberkesanan berinteraksi atau berkomunikasi sesama mereka.

Walau bagaimanapun tahap ketelusan terhadap entri yang dirujuk masih tinggi dengan membentuk sebanyak 81.17 peratus. Bagi Asmah Haji Omar (1983:12), dua sistem pertuturan itu harus mempunyai sekurang-kurangnya 85 peratus kosa kata yang sama sebelum boleh digolongkan sebagai dua dialek dari bahasa yang sama. Ini merupakan ciri untuk mengukur tahap kefahaman menyaling dalam dialek-dialek daripada satu bahasa yang sama. Seandainya tidak wujud kefahaman menyaling kerana perbezaan yang ketara dalam peratusan kosa katanya, maka sistem-sistem

pertuturan tersebut melambangkan dua bahasa yang berlainan, dan bukan lagi dua dialek dari satu bahasa (ibid:9).

Kedua-dua bahasa itu adalah warisan bersama daripada induk yang sama dan bahasa-bahasa tersebut masih mempunyai kaitan kekeluargaan satu sama lain. Dalam hubungannya dengan kedua-dua bahasa yang bervariasi ini, nisbah 85 peratus kosa kata yang sama harus dipertahankan supaya tidak berpecah menjadi dua bahasa yang berbeza. Namun apakah mungkin nisbah ini dapat dipertahankan jika pencapahan atau penyimpangan terus berlaku dan menebal? Setakat ini BMM dan BI masih lagi dua dialek dari satu bahasa yang sama. Cuma sejauh mana kita dapat mempertahankan nisbah 85 peratus tersebut? Persoalan ini merupakan cabaran besar yang menanti penutur BMM dan BI.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1991. "Kata Pendahuluan" dlm. Leo Suryadinata *Comparative Dictioanary of Malay-Indonesian Synonyms*. Kuala Lumpur: Time Book Internatioanal.
- Algeo, J., 1986. "The Two Streams: British and American English" dlm. *Journal of English Linguistics*, 19:2, hlm. 269 – 284.
- Amdun Husain, 1994. "Morfologi dalam Pembinaan Bahasa Melayu". Disertasi Sarjana Sastera. Bangi: UKM.
- Asmah Haji Omar, 1998. "Wujudkah Tembok Bahasa antara Malaysia dan Indonesia" dlm. *Sarjana: Jurnal Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya*, 15, hlm. 1 – 15.
- Asmah Haji Omar, 1983. *Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaannya*. Syarahan Perdana di Universiti Malaya, 22 Februari, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Badudu, J. S, 1989. *Inilah Bahasa Indenesia yang Benar III*. Jakarta: Gramedia.
- Benson, M. et al., 1986. *Lexicographic Description of English*. John Benjamins Publishing Company.
- Darwis Harahap, 1995. "Perubahan Makna dan Bentuk" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 39:7, hlm. 633 – 646.
- Halliday, M.A.K et al., 1968. "The Users and The Uses of Language" dlm. J.A. Fishman (ed.) *Readings in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton.
- Harimurti Kridalakasana, 1989. *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hartmann, R.R.K, James, G., 1998. *Dictionary of Lexicography*. London and New York: Routledge.
- Ibrahim Ahmad, 2006. "Variasi Nasional Malaysia-Indonesia: Perbezaan

IBRAHIM HAJI AHMAD

Leksikal dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia". Tesis Ph.D. Universiti Malaya.

Landau, S., 2001. *The Art and Craft of Lexicography*. Cambridge University Press.

Nik Safiah Karim *et al.* 1996. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tottie, G., 2002. *An Introduction to American English*. UK: Blackwell Publisher Ltd.

Trudgill, P dan Hannah, J., 1994. *International English: A Guide to Varieties of Standard English*. London: Edward Arnold

Sumber Kamus

Kamus Besar Bahasa Indonesia, edisi ketiga 2001. Jakarta: Balai Pustaka.

Kamus Dewan, edisi keempat, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.